

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003**

SEPTEMBER 2002

RHS 502 -- PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA soalan**.

1. Kepada mereka yang menyokong falsafah autonomi perumahan berpendapat bahawa “penduduk perlu diberi kebebasan dalam pengawalan aktiviti perumahan seperti dari segi reka bentuk, pembinaan dan pengurusan supaya ia memberi keselesaan dan kesejahteraan hidup”.

Anda sebagai petindak perumahan, bahaskan pendapat tersebut dan apakah pemilihan kemungkinan pendekatan bentuk perlaksanaan boleh dilakukan jika anda juga bersetuju dengan pendapat di atas.

(25 markah)

2. Pengurusan perumahan tidak sahaja berkaitan dengan pengurusan **harta tanah**, tetapi ia juga berkaitan dengan mengendalikan manusia. Oleh itu pengurusan perumahan merangkumi aspek senggaraan stok perumahan dan perkhidmatan kepada **para penghuni** (Spicker, 1989) .

- (a) Beri ulasan tentang kenyataan di atas dengan merujuk kepada praktis pengurusan perumahan di Malaysia.
 - (b) Kemukakan cadangan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan perumahan **awam** di Malaysia.

(25 markah)

3. (i) Jelaskan garispanduan yang termaktub di dalam dasar perumahan untuk Program **Rumah Kos Rendah** dan bincangkan pendekatan centralisasi dalam pembangunan perumahan negara menerusi Rancangan Lima Tahun Pembangunan Malaysia.

ATAU

- (ii) Jelas dan bandingkan pendekatan pembangunan yang diamalkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam proses pembangunan bandar seperti yang diamalkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di tempat anda.

(25 markah)

...2/-

- 2 -

4. (a) Apakah erti “pembangunan perumahan” secara umum?
- (b) Apakah makna sebenar “pembangunan perumahan”?
- (c) Senaraikan secara ringkas langkah-langkah terpenting yang wajar diambil untuk mewujudkan kumpulan pembuat polisi dan pengurus yang berpotensi merealisasikan perumahan yang sebenarnya “maju”.

(25 markah)

-00000000-